

Untuk pastikan kemajuan kampung Disiplin rakyat punca kejayaan

Oleh WAN HAMIDI HAMID

PORT DICKSON, Ahad — Kampung adalah asas mewujudkan bandar yang menjadi tumpuan untuk mencapai wawasan menjadikan Malaysia sebagai negara maju menjelang tahun 2020.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kampung ter- susun boleh menjadi bandar kecil yang sihat dan maju serta mampu berkembang sebagai bandar besar atau bandaraya yang selesa untuk penduduk.

"Kuala Lumpur juga bermula sebagai sebuah kampung perlombongan. Kini tidak ada lagi lombong, tanah pertanian atau kegiatan kampung tetapi Kuala Lumpur sudah menjadi pusat perdagangan dan pentadbiran terbesar di negara ini," katanya.

Sehubungan itu, menurutnya, minat, disiplin diri dan usaha bersungguh-sungguh di kalangan rakyat akan memastikan kejayaan meningkatkan kemajuan kampung selaras dengan wawasan 2020.

Perdana Menteri berkata, kesungguhan rakyat penting untuk membolehkan kampung dibangunkan dengan lebih ter- susun dan kemas sebagai asas mewujudkan bandar yang selesa untuk penduduk.

"Kita mempunyai harapan. Jika kita dapat mengurangkan perselisihan fa- ham serta berusaha bersungguh-sungguh, kita akan menjadi negara maju pada 2020," katanya berucap melancarkan Program Kampungku Peringkat Ne- geri Sembilan di Kampung Jimah Baru, di sini hari ini.

Menurutnya, kerajaan akan membantu orang kampung memajukan diri mereka

melalui pelbagai usaha, khususnya me- majukan ekonomi bagi membolehkan ku- tipan cukai sebagai bantuan kepada mereka.

"Walaupun dengan bantuan kerajaan, orang kampung perlu berusaha sendiri. Mahligai yang dibina akan runtuh jika tidak dijaga," katanya.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Ma- hathir berkata, rakyat mesti berfikir un- tuk hari esok, khususnya merancang un- tuk 30 tahun akan datang bagi memastikan Malaysia menjadi negara maju pada 2020.

"Kita tidak boleh duduk berdiam diri. Kita mesti meningkat sedikit demi sedi- kit secara tertib sehingga kita benar- benar maju," katanya.

Menurut Perdana Menteri, dunia mengakui Malaysia sebagai negara membangun yang paling maju dengan usaha sendiri sebagaimana dibuktikan dengan pendapatan per kapita setiap rak- yat Malaysia kira-kira \$6,800 berbanding di antara \$200 dan \$600 di negara mem- bangun lain.

Dengan itu, katanya, tidak ada gu- nanya jika bandar-bandar saja yang maju pada 2020 jika kampung masih terbiar.

"Kita mahu kampung di negara ini se- taraf dengan kampung di negara maju. Tidak mustahil akan menjadi tradisi se- semua orang kampung mendiami rumah batu dan memiliki kedai yang cantik menjelang 2020 jika mereka sanggup mengikut semua perancangan kerajaan mulai sekarang," katanya.

Menjelaskan konsep tradisi, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, setiap perbuatan

atau perkara yang diamalkan selalu akan menjadi tradisi sesuatu masyarakat.

Oleh itu, katanya, anggapan bahawa orang kampung mesti tinggal di rumah atap yang tidak selesa semata-mata ia tradisi adalah tidak benar kerana sua- sana berubah mengikut peredaran masa.

"Sudah tentu akan ada penghasut Ba- rat mendakwa kita hendak menghapus- kan tradisi. Tetapi saya yakin rancangan kerajaan untuk membangunkan kam- pung supaya sesuai dengan aliran zaman akan diterima semua pihak demi keba- likan bersama," katanya.

Mengenai kemiskinan, Datuk Seri Dr Mahathir membidas pemimpin tertentu yang mengatakan bahawa kemiskinan adalah takdir Tuhan kononnya untuk menguji keimanan kerana pendapat se- demikian boleh memundurkan masyara- kat, khususnya orang kampung.

Menurutnya, usaha kerajaan untuk mengatasi kemiskinan adalah melalui pendidikan, terutama memberi peluang kepada orang miskin mendapat pengeta- huan untuk berusaha menjadi kaya.

Mengenai undang-undang bagi mem- bolehkan penyusunan semula kampung, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan memberi manfaat bagi melindungi rak- yat dalam membangunkan negara.

"Jadi dalam penyusunan masyarakat kampung, kita terpaksa membuat sedikit sebanyak perubahan. Bukankah lebih se- lesa jika semua kampung disusun de- gan baik serta mempunyai telefon, beka- lan elektrik dan air serta jagaan polis," katanya.